

3.2.4 MENJELASKAN JENIS-JENIS PENDAPATAN INDIVIDU IAITU UPAH, SEWA, FAEDAH, DIVIDEN, UNTUNG DAN BAYARAN PINDAHAN.

3.2.5 MENGANALISIS KAITAN ANTARA PELBAGAI KERJAYA DENGAN MATLAMAT PENDAPATAN PERIBADI.

1. Maklumat berkaitan dengan kos pengeluaran kerepek ubi dalam tempoh sebulan.

Kos Bahan Mentah : RM5 500

Upah pekerja : RM2 000

Sewa Kilang : RM1 500

Jika Amir Berjaya menjual sebanyak 20 000 bungkus kerepek ubi pada harga RM0.80 sebungkus, berpakah untung yang diperolehi dalam tempoh tersebut?

A RM7 000

B RM7 200

C RM9 000

D RM11 000

2. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan En Adnan

En Adnan menerima bantuan banjir semasa monsun Timur laut yang melanda Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Pendapatan yang diterima oleh En Adnan ialah....

A upah

B elaun

C komisen

D bayaran pindahan

3. Antara yang berikut, yang manakah potongan wajib?

I Caruman KWSP

II Ansuran motosikal

III Premium insurans

IV Cukai pendapatan perseorangan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

4. Maklumat yang berikut berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

Encik Azizul bekerja sebagai kerani kewangan menerima RM2 500 sebulan. Dia membuat pinjaman perniagaan untuk menjalankan restoran tomyam pada waktu malam. Dia menyewa sebuah gerai dengan kadar bayaran RM8 00 sebulan

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Azizul?

I sewa

II Untung

III Upah

IV Faedah


A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

5. Gambar menunjukkan KWSP dan PERKESO



Kawasan R mewakili

A caruman pekerja

B perlindungan di luar jangka

C sumber kewangan untuk hari tua.

D bayaran kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

6. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu ganjaran.

“ Ganjaran kepada individu yang menyumbangkan tenaga fizikal atau mental dalam proses pengeluaran.”

Ganjaran yang disebutkan dalam pernyataan di atas ialah

A sewa

B upah

C faedah

D untung

7. Penurunan harga purata akan menyebabkan

A tabungan pengguna menurun

B kuasa beli pengguna menurun

C pendapatan benar meningkat

D perbelanjaan pengguna meningkat

8. Pernyataan berikut berkaitan dengan sector ketiga dalam Malaysia.

Sumbangan sektor ketiga kepada jumlah guna tenaga Malaysia meningkat daripada 25.3% pada tahun 1960 kepada 61.3% pada tahun 2014

Antara yang berikut, yang manakah faktor yang menyebabkan peralihan guna tenaga di atas?

I Upah wang

II jaminan keselamatan

III Suasana tempat kerja

IV Bonus tahunan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Rajah di bawah menunjukkan iklan motosikal



Harga tunai	: RM5 000
Bayaran pendahuluan	: RM500
Ansuran (36 bulan)	: RM160

Berapakah jumlah faedah yang perlu dibayar oleh individu yang memilih kaedah bayaran kredit.

- A RM260
- B RM760
- C RM1 260
- D RM5 760

10. Antara yang berikut yang manakah memberikan pulangan pelaburan yang tinggi?

- I Emas
- II Simpanan tetap
- III Sekuriti kerajaan
- IV Urusniaga pertukaran asing

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV